

22/05/2001

PM sampai amanat kepada Pemuda

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat kepada kepimpinan Pemuda bahagian Umno yang baru dilantik April lalu pada perhimpunan khas, Selasa depan.

Pada perhimpunan itu, Presiden Umno akan menjelaskan mengenai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh 165 ketua Pemuda bahagian bagi mengukuhkan parti di peringkat akar umbi.

Exco Pemuda Umno, Dr Zambry Abdul Kadir, berkata perhimpunan itu yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dihadiri ketua Pemuda, naib ketua dan ahli jawatankuasa bahagian.

Beliau berkata, amanat Perdana Menteri itu mampu menjadi pemangkin kepada Pemuda bahagian menggerakkan parti untuk mendampingi rakyat pada peringkat akar umbi.

Setakat ini, hanya Pemuda Umno bahagian Kuantan masih belum mengadakan mesyuarat berikutan Majlis Tertinggi (MT) menangguhkan persidangan selepas menerima aduan mengenai politik wang daripada Ketua Umno bahagian itu, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Di Bahagian Seremban pula, keputusan pemilihan tertangguh apabila calon Ketua Pemuda, Mohd Nor Awang, meminta MT membuat keputusan pemilihannya sebagai Ketua Pemuda sebagai sah mengikut perlembagaan parti.

Beliau mendakwa pemilihannya dalam mesyuarat perwakilan Pemuda Bahagian Seremban pada 1 April lalu berjalan lancar dan sempurna mengikut kriteria yang ditetapkan.

Di bahagian Baling pula, keputusan pemilihan Naib Ketua dirujuk kepada Perhubungan Umno Negeri selepas dua daripada tiga calon, masing-masing mendapat 113 undi.

Mohd Taufik Yaakob dan Ishak Mat, masing-masing memperolehi 113 undi, manakala seorang calon lain, Abdul Rahim Awang Kecil hanya 88 undi.

Berikutan keputusan itu, Pengerusi Tetap Pemuda bahagian, Razali Hanafiah mengumumkan keputusan mengenai jawatan berkenaan akan dirujuk kepada Badan Perhubungan Umno Negeri.

(END)